

|           |                  |
|-----------|------------------|
| Newspaper | UTUSAN MALAYSIA  |
| Date      | 13 NOVEMBER 2016 |

## MAHATHIR DAN PAS

um - 13/11/2016

**I**MPIAN Mahathir Mohamad untuk menarik Pas menyertai Pakatan Harapan yang diketuai oleh DAP, tidak kesampaian sebagaimana terzahir dalam konvensyen pakatan itu semalam.



**ABDUL HADI  
AWANG**

Sudah hampir pasti Pas tidak akan bersama-sama DAP, PKR, PAN dan Parti Pribumi Bersatu Malaysia yang telah mencapai persetujuan meniru konsep BN menggunakan logo yang sama.

Pada Awang, tanpa penyertaan Pas yang mempunyai pengaruh akar umbi, Pakatan Harapan tidak akan memberi impak pada pilihan raya umum akan datang.

Awang boleh faham sekiranya Mahathir Mohamad marah dan kecewa terhadap pendirian Pas lalu menuduh parti itu menyokong Perdana Menteri, Mohd. Najib Tun Razak. Sesiapa yang menyokong Najib akan ditentang, kata Mahathir. Awang tidak fikir



**Kini realitinya, Najib lebih menghormati Pas berbanding Mahathir. Harus juga disyukuri, Najib dan Presiden Pas, Hadi Awang sama-sama responsif kepada agenda perpaduan Islam.**

Pas gentar dengan apa jua tekanan daripada Mahathir dan Pakatan Harapan. Hubungan tegang dan kurang mesra antara Pas dan Mahathir telah berpuh tahun lamanya.

Pas dengan rekod yang begitu lasak telah lalui dugaan itu semua. Kini realitinya, Najib lebih menghormati Pas berbanding Mahathir. Harus juga disyukuri, Najib dan Presiden Pas, Hadi Awang sama-sama responsif kepada agenda perpaduan Islam. Apa pun, Awang tabik kepada Pas yang terus menolak DAP (37 kerusi Parlimen) iaitu kuasa utama Pakatan Harapan. Biarlah Mahathir sahaja akur.